



Nor Akhrrudin (tengah) ketika melawat Hutan Lipur Chamang. [FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]

## 120 hutan lipur jadi tarikan ekopelancongan

**Bentong:** Lebih 120 hutan lipur yang memiliki keindahan air terjun di seluruh negara akan dimajukan dengan tambah nilai kerana berpotensi besar menjadi produk ekopelancongan.

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) Jabatan Perhutanan, Datuk Nor Akhrrudin Mahmud, berkata pihaknya akan berusaha memajukan hutan lipur itu sebagai produk pelancongan seterusnya menjadi tarikan utama pengunjung beriadah bersama keluarga, selain kegiatan bina semangat.

Beliau berkata, kerjasama erat di antara Jabatan Perhutanan dengan agensi pelancongan negeri serta pihak swasta perlu diwujudkan bagi melancarkan usaha meletakkan hutan lipur pada kedudukan yang lebih baik.

### Hutan lipur semakin diminati

Katanya, turut diberi perhatian dalam penambahbaikan itu, termasuk kemudahan chalet, pusat maklumat, de-

wan dan tempat perkelahan.

“Masyarakat kini semakin berminat dengan hutan lipur dan taman negeri. Mereka datang bersama keluarga untuk berehat bagi menghilangkan tekanan di tempat kerja, selain mengeratkan hubungan antara mereka.

“Beberapa hutan lipur di negara yang terletak hampir dengan bandar besar seperti Hutan Lipur Chamang dan Hutan Lipur Lentang, di sini, serta Hutan Lipur Ulu Benduk, Negeri Sembilan, menerima kunjungan pelancong yang ramai setiap hujung minggu,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan mesyuarat pelan tindakan bengkel pemantapan pengurusan hutan lipur dan hutan taman negeri di bilik mesyuarat pejabat Ladang Hutan Kemasul, Temerloh, dekat sini.

Nor Akhrrudin yang turut melawat Hutan Lipur Chamang, berkata hutan lipur dan taman negeri yang dimajukan mampu memberikan pendapatan tambahan kepada jabatan perhutanan negeri.